

07 JAN 2003

Mahathir-Adun

BN AKAN TENTUKAN TEMPOH PENGGANTUNGAN DUA ADUN

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) hari ini bersetuju dengan keputusan MCA untuk menggantung dua Anggota Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dari parti itu kerana enggan mengundi menolak satu usul pembangkang November lepas.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagaimanapun berkata tempoh penggantungan akan ditentukan oleh BN kelak berbanding keputusan Majlis Presiden MCA yang sebelum ini memutuskan penggantungan untuk "tempoh masa yang tidak ditentukan" terhadap kedua-dua wakil rakyat itu.

"Barisan Nasional akan putus bila tarikh penggantungan itu akan ditamatkan," kata Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat dewan itu selama tiga jam di sini hari ini.

Mesyuarat itu dihadiri oleh pemimpin kesemua komponen BN kecuali Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu yang diwakili timbalannya, Datuk S. Subramaniam dan Setiausaha Agung MIC, S. Sothinathan.

Dr Mahathir berkata mesyuarat juga bersetuju bahawa semua Adun dan Anggota Parlimen BN hendaklah tertakluk kepada disiplin parti masing-masing dan dikehendaki sepanjang masa mematuhi pendirian BN.

"Kita bersetuju semua wakil rakyat BN perlu memberikan sokongan kepada BN atau mempunyai pandangan yang sama," katanya.

Keputusan menggantung Tan Cheng Liang (Jawi) dan Lim Boo Chang (Datuk Keramat) oleh MCA dibuat selepas kedua-duanya berkecuali daripada mengundi terhadap usul DAP di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang berhubung penagguhan Projek Lingkaran Luar Pulau Pinang bernilai RM1.02 bilion.

Mesyuarat Dewan Tertinggi BN pada November lepas memberi mandat kepada MCA untuk mengambil tindakan sewajarnya terhadap kedua-dua wakil rakyat itu.

Majlis Presiden MCA kemudiannya mengarahkan jawatankuasa disiplin parti yang diketuai Datuk Kam Woon Wah menyiasat perkara itu dan menyarankan bentuk tindakan yang boleh diambil terhadap Lim dan Tan.

Mesyuarat Majlis Presiden pada 16 Dis mengesahkan keputusan jawatankuasa berkenaan yang menggantung keanggotaan mereka secara serta-merta bagi "tempoh masa yang tidak ditentukan".

Ditanya bila BN akan membuat keputusan untuk menarik balik penggantungan mereka, Dr Mahathir berkata: "Bila nak tentu, itu masalah kita".

Menjawab pertanyaan tentang kriteria yang akan digunakan dalam mempertimbangkan tempoh penggantungan terhadap Lim dan Tan, beliau berkata ia bergantung kepada tingkah laku mereka.

Dr Mahathir juga berkata mesyuarat hari ini sebulat suara menerima permohonan Parti Progresif Demokratik Sarawak (SPDP) untuk menyertai BN.

Beliau berkata mereka akan menghadiri sepenuhnya mesyuarat Dewan Tertinggi BN akan datang.

SPDP, yang didaftarkan pada 8 Nov lepas, ditubuhkan oleh kumpulan bekas anggota Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) diketuai Menteri Kesihatan Awam dan Alam Sekitar Sarawak Datuk William Mawan Ikom berikutan pembatalan pendaftaran SNAP oleh Pendaftaran Pertubuhan pada 5 Nov lepas berikutan kegagalan parti itu menyelesaikan pertikaian dalamannya yang berlarutan sejak April tahun lepas.

Parti itu telah diterima masuk sebagai anggota komponen BN Sarawak pada 19 Nov lepas.

-- BERNAMA
AT MAM MAI